

12 NOV 1999

Sanusi-Bertanding

SANUSI NAFI BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN

ALOR SETAR, 12 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid hari ini menafikan khabar angin beliau akan bertanding kerusi parlimen pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

"Saya boleh sahkan bahawa saya akan bertanding kerusi negeri. Kawasan mana saya tidak tahu. Mungkin saya akan mempertahankan kerusi Kuah," kata beliau kepada pemberita selepas menemui kesemua bekas wakil rakyat Barisan Nasional Kedah di Ibu pejabat Umno di sini.

Beliau berkata status quo mengenai pembahagian kerusi dan kawasan di kalangan parti komponen BN Kedah adalah kekal.

Pada pilihan raya umum 1995, BN menang 34 daripada 36 kerusi negeri dan kesemua 15 kerusi parlimen di Kedah.

Bagi kerusi negeri, Umno menang 26, MCA (empat), MIC dan Gerakan masing-masing dua kerusi, manakala kerusi parlimen, kesemuanya Umno kecuali dua MCA.

Ditanya bila beliau akan menyerahkan senarai calon kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sanusi berkata: "Saya tidak perlu berbuat demikian. PM lebih kenal calon-calon berkenaan daripada saya. Mungkin dia akan minta pendapat saya sedikit."

Beliau berkata senarai calon BN Kedah masih belum siap kerana Umno, MIC dan Gerakan belum menyiapkan senarai masing-masing, kecuali MCA.

Menjawab soalan, Sanusi berkata mungkin terdapat beberapa muka baru dalam senarai calon BN pada pilihan raya umum ini, tetapi enggan menyebut jumlahnya.

Beliau berkata BN yakin akan memperolehi kejayaan lebih baik kali ini, berbanding pilihan raya lepas, kerana rakyat telah melihat sendiri kejayaan dan kemampuan kerajaan mengatasi masalah ekonomi negara.

-- BERNAMA

JM zb